

14/06/2003

Loji insulin mula operasi 2005

LOJI insulin untuk manusia yang pertama seumpamanya di Asia yang membabitkan pelaburan RM129.2 juta, dijangka memulakan pengeluarannya di Pulau Pinang, pada pertengahan 2005.

Pengeluaran produk bioteknologi dan biofarmaseutikal itu, akan dikendalikan sebuah syarikat biogenerik yang berpangkalan di Britain, GeneMedix Plc (GeneMedix).

Kelmarin, syarikat itu memeterai surat hasrat dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), bagi menubuh dan membangunkan syarikat mengeluarkan serta mengkomersial insulin manusia di negeri berkenaan.

Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, dalam kenyataannya semalam, berkata GeneMedix ialah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham London dan Singapura.

Katanya, syarikat itu ialah firma biogenerik yang terbabit dalam pembangunan dan penghasilan ubatan yang dihasilkan menerusi kejuruteraan genetik.

GeneMedix mengumumkan, menerusi perjanjian itu, ia akan mengeluarkan lesen penghasilan insulin kepada syarikat baru yang akan ditubuhkan di Malaysia.

Mengulas pengumuman itu, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata jika semuanya berjalan seperti dirancangkan, operasi syarikat itu akan bermula pertengahan 2005.

Katanya, pembukaan loji itu adalah kejayaan terbesar Malaysia dalam meneroka bidang pembangunan dan pengeluaran produk bioteknologi dan biofarmaseutikal.

Beliau berkata, syarikat itu akan memindahkan kepakaran pembangunan biofarmaseutikal dan reka cipta, pembinaan dan operasi yang menepati piawaian antarabangsa.

"Keseluruhan jumlah pelaburan dijangka dibiayai beberapa sumber seperti pinjaman, geran dan terbitan saham dalam syarikat yang baru ditubuhkan kepada pelabur tempatan," katanya.

Koh berkata, PDC akan menyediakan tapak yang sesuai dan membantu mendapatkan pinjaman berdasarkan syarat komersial menarik bagi membiayai projek terbabit.

"GeneMedix akan mengeluarkan lesen penghasilan insulin kepada syarikat yang baru ditubuhkan sebagai pulangan bagi pembayaran dan royalti menerusi penjualan produk," katanya.

Koh berkata, beliau amat menghargai lawatan pengerusi GeneMedix, Dr Kim Tan dan Ketua Eksekutif GeneMedix, Paul Edwards serta rombongannya ke Pulau Pinang, empat bulan lalu.

Katanya, ketika di sini, mereka mengadakan perbincangan dengan pegawai PDC dan profesor Universiti Sains Malaysia (USM) mengenai penubuhan syarikat penghasilan insulin itu.

Koh turut memaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai keputusan GeneMedix itu.

Turut dimaklumkan ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Lim Keng Yaik dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.